

BAB EMPAT

AMALAN PENERBITAN DOKUMENTARI

SALAM NUSANTARA

4.0 PENGENALAN

Amalan penerbitan dokumentari yang dijalankan oleh syarikat ini sejak penerbitan siri dokumentari Islam mulai 1996, telah memberi pengalaman yang berguna untuk membolehkan mereka meningkatkan kualiti penerbitan dokumentari pada masa hadapan. Walaupun amalan dan kaedah bekerja di dalam sesuatu penerbitan rancangan televisyen tidak banyak bezanya antara satu dengan yang lain, namun begitu sesebuah syarikat perlu bersedia membuat inovasi kerja berdasarkan perkembangan semasa di lokasi dan kemampuan kewangan terutama yang melibatkan penggambaran di negara luar.

Proses Penerbitan dokumentari Salam Nusantara dibahagikan kepada empat tugas utama iaitu;

- a. **Pengurusan dan Perhubungan**
 - i. Menyediakan kertas proposal
 - ii. Mendapatkan surat niat, tawaran dan surat pesanan (LO)
 - iii. Menguruskan belanjawan produksi

iv. Mendapatkan kebenaran menjalankan produksi

b. **Editorial**

- i. Membuat penyelidikan awal
- ii. Membina jalan cerita
- iii. Mengumpul bahan
- iv. Menulis skrip

c. **Produksi dan Pos Produksi**

- i. Membuat *Recce*
- ii. Penyediaan peralatan
- iii. Menentukan krew penggambaran
- iv. Menyediakan jadual penggambaran
- v. Membuat penggambaran
- vi. Pos Produksi
 - a. Shot listing/penyenaraian
 - b. Terjemahan
 - c. Muzik latar
 - d. Penyuntingan *off-line*
 - e. Penyuntingan *on-line*
 - f. Rakaman suara latar
 - g. *Mixing*

d. Pemasaran

- i. Perkhidmatan susulan.
- ii. Mendapatkan penajaan produksi di lokasi
- iii. Mendapatkan penajaan hadiah kuiz.
- iv. Pemasaran susulan selepas siaran di TV 1

4.1 PENGURUSAN DAN PERHUBUNGAN**4.1.1 Menyediakan Kertas Proposal**

Langkah awal adalah membuat kertas proposal ringkas mengenai projek berkenaan. Cadangan proposal ini adalah rangka kerja kasar yang bertujuan mengenalpasti kekuatan dan kelemahan yang bakal dihadapi apabila memulakan projek ini. Ia juga sebagai kertas dasar untuk dikemukakan kepada bahagian bekalan filem dan rancangan swasta RTM untuk penilaian dan kelulusan.

Antara kandungan proposal berkenaan adalah seperti berikut:

- a. Pengenalan
- b. Objektif
- c. Sinopsis
- d. Maklumat Rancangan
- e. Kandungan
- f. Penutup

Kebiasaan penerbit akan menyediakan proposal sebaik sahaja kerja-kerja penyelidikan awal selesai. Ia akan dibantu oleh pengurus Jabatan Audio Visual di syarikat Anugerah Media Network. Proposal berkenaan kemudian dibincangkan di peringkat panel pengurusan syarikat berkenaan sebelum diluluskan untuk dihantar kepada Bahagian Bekalan filem dan rancangan swasta RTM.

Pihak RTM akan membuat penilaian awal berdasarkan keperluan rancangan di stesyen TV1 dan TV2. RTM boleh menolak sesebuah proposal di peringkat awal tanpa mengadakan perbincangan dengan syarikat berkenaan. Namun keadaan tersebut berbeza dengan siri *Salam Nusantara* kerana pihak RTM yang meminta syarikat Anugerah Media Network menyediakan proposal berkenaan berdasarkan keperluan semasa RTM dan dasar-dasar hubungan dua hala dengan negara-negara yang dipilih..

Antaranya Siri *Salam Nusantara* diharap dapat membantu mengukuhkan lagi hubungan antara negara-negara ASEAN ke arah mewujudkan Asia Tenggara sebagai zon selamat.

4.1.2 Mendapatkan Surat Niat, Surat Tawaran dan Surat Pesanan

Proposal yang telah lengkap kemudiannya dihantar ke bahagian Bekalan Filem dan Rancangan Swasta TV, RTM untuk dinilai oleh Jawatankuasa Pembelian. Jika ia bertepatan dengan keperluan semasa saluran TV 1 atau TV 2, perbincangan lanjut akan dibuat antara pihak RTM dan syarikat Anugerah Media Network Sdn. Bhd. Perbincangan ini dilakukan untuk mendapatkan konsep dan jalan cerita yang sesuai dengan perkembangan semasa.

Perbincangan ini dihadiri pegawai bahagian Bekalan Filem dan Rancangan Swasta RTM, Penerbit eksekutif, Penerbit Salam Nusantara episod Lembah Chao Phraya dan penulis skrip.

Pembentangan mengenai konsep dan jalan cerita dokumentari berkenaan dibentangkan oleh penerbit. Pihak RTM pula memberi pandangan dan cadangan untuk menjadikan produksi siri berkenaan sesuatu yang menarik.

a. Surat Niat

Surat Niat atau *intent letter* dikeluarkan kepada syarikat sebaik saja proposal berkenaan diterima. Surat ini menyatakan hasrat RTM untuk membeli siri rancangan *Salam Nusantara*. Ia sebagai satu jaminan kepada

syarikat Anugerah Media Network Sdn. Bhd. bahawa RTM menerima proposal berkenaan dan bersedia membeli produk yang sudah siap dengan beberapa syarat yang perlu dipatuhi oleh syarikat. Bagi AMN pula, surat niat merupakan jaminan awal bagi membolehkan mereka memulakan kerja-kerja seterusnya terutama penggambaran Salam Nusantara. (Lihat lampiran 4)

b. Surat Tawaran

Syarikat Anugerah Media Network Sdn. Bhd. memulakan kerja-kerja pengurusan produksi selepas mendapat surat niat. Antaranya termasuklah menguruskan perbelanjaan produksi untuk penggambaran di luar negara. Menguruskan surat menyurat bagi mendapatkan penajaan penginapan juga mula dikirim kepada hotel-hotel di lokasi penggambaran.

Ketika syarikat sibuk menyelesaikan kerja-kerja pengurusan produksi, RTM mengeluarkan surat tawaran bagi membeli rancangan berkenaan. Ini dilakukan selepas pihak Jawatankuasa Pembelian (JKPTV) bermesyuarat dan meluluskan pembelian rancangan berkenaan.

Pihak syarikat perlu menjawab dan menandatangani surat tawaran berkenaan jika bersetuju untuk menjual rancangan tersebut pada kadar

harga yang ditawarkan. Surat tawaran juga mengandungi syarat-syarat pembekalan yang perlu dipenuhi. (lihat lampiran 5)

c. Surat Pesanan

Surat Pesanan atau *Local Order* dikeluarkan setelah jawatankuasa pembelian RTM meluluskan pembelian rancangan berkenaan. Dengan Surat pesanan (LO) ini, syarikat menggunakan untuk mendapatkan pembiayaan daripada Koperasi Celcom Berhad . Pembiayaan ini dilakukan dengan menggunakan kaedah *mudharabah* di mana AMN sebagai pengusaha dan Koperasi Celcom Berhad adalah pemodal di dalam projek ini. Pembahagian keuntungan dilakukan secara 50%-50% selepas ditolak kos operasi. (lihat lampiran 6)

4.1.3 Menguruskan Belanjawan Produksi

a. Usahasama - Mudharabah

Syarikat Anugerah Media Network Sdn. Bhd. sebelum ini telah mengadakan hubungan perniagaan dengan Koperasi Celcom Berhad. Bagi produksi Salam Nusantara 2 – episod Lembah Chao Phraya ini, syarikat ini juga mengadakan kerjasama perniagaan secara usahasama *Mudharabah* di mana AMN adalah pengusaha projek dan Koperasi Celcom pula sebagai pelabur membiayai projek ini. (lihat lampiran 7)

Oleh itu sebelum sebarang produksi dijalankan, kedua-dua pihak perlu berbincang mengenai kos produksi berkenaan. Anggaran kos disediakan oleh pihak AMN.

Selepas persetujuan dicapai, koperasi Celcom akan menyediakan perbelanjaan berkenaan dan dibayar kepada AMN secara berperingkat-peringkat mengikut keperluan perbelanjaan kerja-kerja produksi.

Kaedah kerjasama ini membolehkan kedua-dua pihak mendapat faedah dan keuntungan daripada produksi berkenaan.

Namun begitu bagi menampung kos produksi yang agak tinggi di luar negara, syarikat akan mengambil sikap berhati-hati dan berusaha mendapatkan penajaan.

b. Penajaan

Pengurus produksi bersama dengan penerbit, eksekutif pemasaran dan pengurus kewangan syarikat akan mengadakan perbincangan bagi mencari jalan mendapatkan tajaan dalam perkara berikut:

- a. Penerbangan
- b. Penginapan
- c. Kenderaan

d. Makan minum

Pelbagai cara digunakan untuk mendapatkan tajaan tersebut. Antaranya berhubung terus dengan syarikat berkenaan. Untuk tujuan tersebut, pengurus produksi akan mendapatkan maklumat lanjut mengenai syarikat berkenaan dengan melayari internet, melalui risalah, brosur dan buku-buku panduan pelancongan dari kedai buku.

4.1.4 Mendapatkan Kebenaran Menjalankan Produksi

Mesyuarat-mesyuarat perancangan dan pemantauan produksi diadakan lebih kerap bagi menyelaras perkembangan kerja supaya perancangan penggambaran berjalan dengan lebih lancar.

Langkah seterusnya ialah menghantar surat menyatakan hasrat penggambaran siri ini kepada pihak kedutaan Thailand di Kuala Lumpur. Salinan surat berkenaan juga dihantar kepada pegawai luar di Kementerian Luar Negeri- Wisma Putra. Bersama surat itu dilampirkan surat sokongan daripada RTM, proposal, senarai krew dan peralatan yang hendak dibawa.

Usaha ini perlu dilakukan lebih awal kerana kaedah bekerja adalah berbeza antara satu negara dengan negara yang lain. Oleh itu, sebarang urusan yang melibatkan peraturan dan undang-undang antara negara perlu diberi

d. Makan minum

Pelbagai cara digunakan untuk mendapatkan tajaan tersebut. Antaranya berhubung terus dengan syarikat berkenaan. Untuk tujuan tersebut, pengurus produksi akan mendapatkan maklumat lanjut mengenai syarikat berkenaan dengan melayari internet, melalui risalah, brosur dan buku-buku panduan pelancongan dari kedai buku.

4.1.4 Mendapatkan Kebenaran Menjalankan Produksi

Mesyuarat-mesyuarat perancangan dan pemantauan produksi diadakan lebih kerap bagi menyelaras perkembangan kerja supaya perancangan penggambaran berjalan dengan lebih lancar.

Langkah seterusnya ialah menghantar surat menyatakan hasrat penggambaran siri ini kepada pihak kedutaan Thailand di Kuala Lumpur. Salinan surat berkenaan juga dihantar kepada pegawai luar di Kementerian Luar Negeri- Wisma Putra. Bersama surat itu dilampirkan surat sokongan daripada RTM, proposal, senarai krew dan peralatan yang hendak dibawa.

Usaha ini perlu dilakukan lebih awal kerana kaedah bekerja adalah berbeza antara satu negara dengan negara yang lain. Oleh itu, sebarang urusan yang melibatkan peraturan dan undang-undang antara negara perlu diberi

perhatian sewajarnya. Syarikat sangat mengambil berat perkara ini berdasarkan kepada pengalaman yang lalu.

Selepas mendapat penjelasan daripada konsulat kedutaan Thailand Bangkok, syarikat menghantar surat memohon kebenaran membuat penggambaran terus kepada *Thailand Film Board* di Bangkok. Urusan ini kemudian disusuli dengan kunjungan pengurus produksi ke pejabat *Thailand Film Board* ketika mengadakan *recce* di kota Bangkok.

Kebiasaannya kelulusan diperolehi dengan cepat dan kerajaan Thailand sebenarnya menggalakkan orang luar membuat penggambaran di negara mereka. Namun, bagi memastikan produksi berjalan lancar dan terkawal, mereka mengenakan syarat dan bayaran. Adalah difahamkan bahawa penguatkuasaan ini dijalankan dengan lebih tegas selepas berlakunya penggambaran *Anna and the King* yang dikatakan menjatuhkan maruah raja Thailand.

Selain itu kerajaan Thailand juga menghendaki syarikat menyediakan seseorang yang ternama dan berwibawa di Thailand sebagai penjamin kepada projek ini. Syarikat perlu mendapatkan seorang tokoh tempatan yang disegani dan dihormati di kalangan rakyat Thailand. Penerbit telah

menghubungi pejabat Sheikhul Islam di Bangkok untuk mendapatkan khidmat berkenaan.

Ketika membuat *recce* di Bangkok, penerbit bertemu dengan Senator Marwan Samaun- seorang tokoh agama dan ahli Dewan Negara Thailand. Beliau bersetuju menjadi penjamin kepada projek ini. Nama dan biodata beliau dilampirkan bersama permohonan mendapatkan kebenaran mengadakan penggambaran di Thailand.

Tugas-tugas perhubungan menggunakan telefon, faksimili dan *e-mail* dijalankan dari Kuala Lumpur. Amalan menjalankan tugas dengan cekap dan dedikasi di bahagian perhubungan ini sangat penting untuk memastikan kebenaran penggambaran diperolehi segera bagi membolehkan kerja-kerja produksi dimulakan.

4.2 EDITORIAL

4.2.1 Membuat Penyelidikan Awal

Bagi memastikan keberkesanan penggambaran, penerbit dan penyelidik akan membuat penyelidikan perpustakaan seperti mendapatkan maklumat daripada buku-buku, peta dan rajah-rajah yang berkaitan dengan lokasi penggambaran. Maklumat berkenaan sangat penting sebelum sebarang

perancangan penggambaran dibuat. Penerbit juga perlu berhubung dengan pegawai luar di Kementerian Luar Negeri bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai suasana di dalam negara berkenaan.

4.2.2 Membina Kerangka atau Rangka Skrip

Kerangka atau ringkasan kasar jalan cerita dokumentari perlu disediakan lebih awal. Kebiasaannya selepas *recce*, penerbit akan menyediakan ringkasan cerita bagi memudahkan pengarah menentukan arahan *shot* yang diperlukan. Kerangka berkenaan akan dapat membantu urusan penggambaran dan perjalanan krew nanti.

Kerangka berkenaan memberi gambaran umum setiap episod dan membayangkan kehendak dan keperluan penerbit di dalam penggambaran nanti. Namun begitu kerangka berkenaan bukanlah muktamad kerana semasa penggambaran, *treatment* boleh jadi berubah. Ini kerana lokasi penggambaran begitu luas dan kadang kala pula subjek yang menjadi pilihan menghadapi masalah, jadi penerbit perlu mendapatkan subjek lain untuk melengkapkan cadangan episod berkenaan.

4.2.3 Mengumpul Bahan

Ketika penggambaran dilakukan di lokasi, penerbit yang juga penulis skrip dan penyelidik akan mengumpul bahan-bahan mentah yang ditemui semasa

Salam Nusantara episod Lembah Chao Phraya tidak melalui proses berkenaan kerana penerbit bagi siri ini adalah juga seorang penulis skrip bagi episod ini. Oleh itu beliau lebih arif dan memahami kehendak dan keperluan shot serta bahan-bahan berkenaan iaitu sejak membuat penggambaran lagi. Kaedah ini dirasakan lebih sesuai dan berkesan bagi meningkatkan mutu penerbitan siri dokumentari *Salam Nusantara*.

Skrip yang telah selesai ditulis akan diserahkan kepada panel penilai dan editor untuk dinilai dan disunting ejaan, bahasa dan kandungan supaya selaras dengan kehendak dan keperluan RTM sebagai stesyen televisyen milik kerajaan. Panel penilai pula akan meneliti skrip supaya menepati dasar-dasar penerbitan yang telah digariskan oleh syarikat.

Kebiasaannya penyemakan skrip tidak mendatangkan masalah kerana semua tenaga kerja telah memahami dasar dan keperluan syarikat di dalam penerbitan siri dokumentari *Salam Nusantara*. Antaranya paparan setiap subjek dan persoalan hendaklah secara yang positif dan boleh membantu membina wibawa agama Islam di lokasi berkenaan. Sementara *Visual* dan jalan cerita yang negatif perlu dielak sama sekali.

Dasar penerbitan *Salam Nusantara* ini sudah diperjelaskan lebih awal sebelum krew berangkat membuat penggambaran. Oleh itu selain penerbit

Penerbit akan menyediakan senarai lokasi penggambaran bagi memudahkan pengurus produksi menyediakan jadual perjalanan penggambaran yang terperinci bagi membolehkan tindakan susulan berjalan lancar. Senarai lokasi penggambaran itu juga mengandungi tempat dan responden yang hendak di temubual.

4.3.2 Penyediaan Peralatan

Jurukamera dan pembantu teknikal menentukan peralatan yang akan dibawa ke Lembah Chao Phraya. Senarai peralatan akan dikirim ke kedutaan Thailand di Kuala Lumpur untuk tujuan pengesahan bagi membolehkan peralatan berkenaan dibawa masuk ke negara berkenaan dengan lebih mudah.

4.3.3 Menentukan Krew Penggambaran

Krew yang dipilih terdiri daripada satu pasukan kerja yang serba boleh. Ia meliputi tenaga:

- a. Penerbit
- b. Pengarah
- c. Pengurus Produksi
- d. 2 orang Jurukamera
- e. 2 orang Pembantu teknikal

f. Penyelidik/penulis skrip

Pasukan kerja ini mempunyai pengalaman membuat penggambaran di luar negara. Mereka sebelum ini terlibat dalam produksi Salam Nusantara Kemboja. Krew yang terlibat dilatih bekerja secara berkumpulan. Keadaan ini amat perlu terutama ketika berada di lokasi.

Dengan pasukan seramai lapan orang, syarikat berharap dapat menyiapkan tiga belas episod Salam Nusantara 2 – episod Lembah Chao Phraya dalam masa yang telah ditetapkan. Keadaan ini sangat penting kerana ia merupakan pelaburan syarikat dalam bidang ini. Sebarang kelewatan akan menyebabkan syarikat menanggung kos tambahan.

Bagi memastikan penggambaran berjalan dengan baik, pemilihan krew dibuat berdasarkan ciri-ciri berikut;

a. Memilih krew yang mempunyai pengetahuan bersepadu.

Syarikat ini memilih krew yang serba boleh untuk menjalankan tugas di luar negara. Krew yang terlibat diberi pendedahan intensif mengenai tatacara bekerja di luar negara supaya tugas-tugas utama dapat dijalankan bersama. Contohnya seorang jurukamera mestilah juga berkebolehan dalam memilih sudut-sudut kamera yang baik dan sesuai dengan keperluan

sesebuah dokumentari. Di dalam penggambaran biasa di dalam negara, tugas ini kebiasaannya dilakukan oleh Pengarah Photografi atau dikenali sebagai *DOP (Director of Photografy)*. Oleh itu, pemilihan krew dilakukan penuh berhati-hati supaya setiap orang mempunyai pengetahuan yang sepadu mengenai tugas-tugas dalam bidang lain yang mungkin perlu mereka lakukan semasa di lokasi nanti.

b. Bekerja secara kumpulan.

Krew yang dipilih juga dilatih untuk bekerja secara berkumpulan dan sentiasa peka kepada perkembangan semasa di lokasi. Suasana penggambaran di luar negara berbeza dengan penggambaran di dalam negara. Kadang kala mereka terpaksa melalui perjalanan yang panjang atau terperangkap dalam kesesakan jalanraya dan ini tentulah memberi tekanan kepada mereka yang perlu menyiapkan sesuatu kerja mengikut masa yang ditetapkan. Ada kalanya mereka perlu bekerja lebih masa dan pergerakkan setiap krew mesti cekap dan pantas. Bekerja secara kumpulan membolehkan setiap orang saling bantu membantu meringankan kerja yang lain terutama mengangkut peralatan serta melayan masyarakat setempat.

Senarai krew akan disediakan lebih awal dan salinannya dihantar bersama surat permohonan mendapatkan kebenaran membuat penggambaran kepada *Thailand Film Board*.

4.3.4 Menyediakan Jadual Penggambaran

Cadangan jadual penggambaran dibuat sebaik sahaja penerbit selesai mengadakan *recce* di lokasi. Jadual ini merangkumi tarikh bertolak, penginapan, makan minum dan waktu penggambaran di sesuatu lokasi. Selepas berbincang dengan penerbit dan pengarah, pengurus produksi menyediakan jadual penggambaran untuk kemudahan perjalanan sepanjang masa berada di lokasi.

Namun, jadual berkenaan mungkin berubah apabila tiba saat untuk berangkat ataupun semasa membuat penggambaran di sana nanti. Keadaan begini boleh berlaku kerana urusan penggambaran banyak bergantung kepada lokasi dan responden yang hendak di temubual. Walaupun temujanji telah dibuat, mereka boleh menukar pada saat-saat akhir. Oleh itu, pengurus produksi sentiasa memastikan segala-galanya dalam kawalan dan kalau berlaku sebarang pertukaran, jadual penggambaran dapat disusun semula dengan cepat. (lihat lampiran 8)

4.3.5 Membuat Penggambaran

a. Persiapan Penggambaran

Urusan penggambaran di luar negara memerlukan kepada pasukan bekerja yang dedikasi, berdisiplin dan mempunyai daya tahan yang tinggi. Penggambaran berjalan dari awal pagi sehingga ke lewat malam. Perjalanan ke lokasi juga begitu mencabar dan agak lasak. Oleh itu setiap krew yang terlibat perlu bekerja dalam satu pasukan dan saling bantu membantu untuk mendapatkan hasil yang terbaik.

i. Pengarah dan Penerbit

Syarikat Anugerah Media Network Sdn. Bhd. memastikan tugas mengarah dan menerbit dijalankan oleh seorang yang berpengalaman dan boleh memikul kedua-dua tugas dengan baik. Pengarah dan Penerbit mesti bertanggungjawab dengan apa yang mereka terbitkan. Selain memikirkan jalan cerita, memilih lokasi, menyemak skrip dan memilih shot, mereka juga harus memikirkan keperluan melahirkan sebuah karya yang boleh meningkatkan semangat jatidiri, patriotisme dan sayangkan negara.

Pengarah mesti mampu menerapkan konsep daya ciptanya ke dalam hasil karyanya melalui kreativiti dan kesungguhan menggunakan unsur-unsur alam dan persekitaran selain daripada kekuatan subjek yang dipilih.

ii. Juru kamera

Syarikat ini juga memilih juru kamera yang juga mempunyai kemahiran sinematografi iaitu seorang yang mahir di dalam menentukan gaya dan sudut-sudut kamera yang sesuai. Kemahiran menguasai bidang fotografi ini membolehkan juru kamera membantu pengarah mendapatkan hasil yang terbaik. Ia termasuk kawalan *mood* suasana alam, pergerakan subjek dan pilihan sudut-sudut yang terbaik untuk menghasilkan sebuah dokumentari yang menarik dan bermakna.

iii. Pengurus Produksi

Satu lagi tugas penting dan utama dalam pasukan kerja Salam Nusantara 2-Lembah Chao Phraya ialah pengurus produksi. Dia harus merancang kerja-kerja dengan baik terutama dalam membuat jangkaan di lokasi dan menyelesaikan sesuatu perkara sebelum krew lain tiba ke situ. Pengurus Produksi juga kadang kala bertindak sebagai pegawai perhubungan terutama melayan para tetamu dan subjek yang berkaitan dengan penggambaran. Dia juga mesti boleh berkomunikasi dengan baik dan bersedia berhadapan dengan tokoh-tokoh pemimpin di peringkat negara sehingga ke peringkat masyarakat umum.

Pengurus produksi sentiasa memantau perkembangan persediaan penggambaran berkenaan dan mengendalikan perbincangan dari masa ke semasa bersama krew lain sehingga tarikh bertolak.

Beberapa minggu sebelum bertolak, beberapa keputusan awal perlu diubah termasuk jumlah krew yang akan berangkat ke Thailand. Jumlah krew terpaksa dikurangkan kepada enam orang sahaja kerana jangkaan tajaan daripada syarikat penerbangan tidak diperolehi. Krew yang terlibat adalah seperti berikut;

1. Penerbit Eksekutif/ Pengurus Produksi
2. Pengarah/ Penerbit/Penulis Skrip
3. Juru Kamera
4. 2 orang Pembantu teknikal/pembantu juru kamera
5. Pembantu Pengurus Produksi/Penyelidik

Maklumat terkini mengenai perubahan senarai krew dihantar ke pejabat *Thailand Film Board* di Bangkok.

Selain itu, pengurus produksi juga perlu menyediakan jadual penggambaran yang baru dan terkini berdasarkan maklumat terbaru yang diperolehi. Jadual tersebut kemudian dihantar kepada pihak kedutaan Malaysia di Bangkok dan pegawai *Thailand Film Board*.

b. Penggambaran

Penggambaran Salam Nusantara akhirnya dapat dilaksanakan mengikut jadual. Krew Produksi telah menjalankan penggambaran dari 11/4/2000 hingga 5/3/2000 mengikut jadual yang telah dirancangkan. Perhubungan di tengah kota Bangkok berjalan dengan baik walaupun keadaan di sana begitu sesak dan padat dengan penduduk. Sistem trafiknya baik, memudahkan pergerakan krew dari satu lokasi ke lokasi yang lain. Hotel New World Lodge menaja penginapan krew sepanjang penggambaran di kotaraya Bangkok. Urusan makan minum juga dapat diatur dengan baik kerana terdapat banyak kedai makanan Islam di tengah kota Bangkok.

Namun, berlaku beberapa perubahan dalam jadual penggambaran di beberapa lokasi. Pengurus produksi menyediakan jadual baru dan setiap hari sebelum memulakan tugas, taklimat akan diberikan kepada krew produksi supaya mereka lebih bersedia dan bekerja kuat untuk menghasilkan sebuah dokumentari yang terbaik.

Sepanjang sebulan berada di Thailand, krew produksi berada di dalam keadaan baik walaupun agak keletihan kerana terpaksa keluar awal pagi dan balik lewat malam. Ini kerana setiap hari, penggambaran dijalankan di lokasi yang berbeza. Tambahan pula kota Bangkok adalah sebuah kota metropolitan yang dianggarkan 10 kali ganda Kuala Lumpur.

Oleh itu krew produksi bukan saja perlu mempunyai kekuatan fizikal tetapi juga persediaan jiwa dan mental untuk mengharungi segala cabaran semasa berada di negara orang.

c. *Footage/ Bahan Rakaman*

Bahan rakaman sepanjang penggambaran perlu disahkan oleh pejabat *Thailand Film Board* sebelum boleh dibawa balik ke Malaysia. Pengesahan berkenaan bertujuan mengawal pihak luar daripada membuat sebarang penggambaran yang tidak sesuai dengan kehendak negara Thailand. Sepanjang tempoh penggambaran *Salam Nusantara 2*, pegawai khas daripada *Thailand Film Board*, Mr. Udom sentiasa mengingatkan supaya mengambil gambar-gambar yang positif sahaja dan elakkan daripada mengambil gambar-gambar yang negatif dan memberi gambaran yang tidak tepat mengenai negara Thailand. Bahkan beliau juga berpesan kepada penerbit supaya treatment/ kerangka cerita dalam dokumentari ini nanti mestilah menggambarkan suasana yang harmoni dan positif mengenai negara Thailand.

4.3.6 Pos Produksi

Proses selanjutnya ialah proses pos produksi yang melibatkan penyuntingan, memasukkan muzik dan mengadun suara latar. Selepas selesai penggambaran, *rushes* atau bahan mentah yang diperolehi akan dihantar ke studio. Di sini bermulalah proses bagi melengkapkan sebuah dokumentari. Kebiasaannya lebih lapan puluh buah pita *tape Beta* digunakan dalam penggambaran bagi menghasilkan tiga belas episod Salam Nusantara.

Bahan rakaman atau *rushes* disimpan dengan baik sebelum kerja-kerja pos produksi bermula. Pos Produksi merupakan bidang kerja yang berkaitan dengan perkara berikut;

- a. Shot Listing/Penyenaraian
- b. Terjemahan temubual
- c. Pemilihan muzik latar
- d. Penyuntingan *off-line*
- e. Penyuntingan *on-line*
- f. Rakaman suara latar
- g. *Mixing*

Penerbit akan meniliti *rushes* sebelum merangka skrip. Kerja-kerja penyenaraian shot/ *shot listing* dilakukan di studio oleh penolong penerbit bagi memudahkan urusan simpanan dan rujukan. Jadual kerja sentiasa diselia oleh penerbit rancangan bagi membolehkan dokumentari ini dapat disiapkan mengikut jadual.

a. ***Shot Listing/Penyenaraian***

Tujuan utama penyenaraian ini adalah bagi membantu penerbit memilih shot-shot yang sesuai untuk pos produksi nanti. Penolong penerbit akan membuat kerja-kerja penyenaraian mengikut shot dan lokasi penggambaran. Semasa kerja-kerja ini dijalankan, sebarang masalah mengenai penggambaran juga akan dikesan contohnya masalah audio dan mutu *footage* berkenaan. Penerbit juga akan meminta penolong penerbit mencadangkan shot-shot yang menarik untuk digunakan sebagai *montage* program.

b. **Terjemahan Temubual**

Terjemahan rakaman temubual dilakukan untuk membantu penerbit memilih temubual yang sesuai untuk digunakan di dalam episod tertentu nanti. Terjemahan itu juga digunakan sebagai panduan untuk memantapkan skrip dan jalan cerita dokumentari itu nanti. Syarikat melantik seorang

pelajar Thailand yang sedang belajar di Universiti Islam Antarabangsa untuk menterjemahkan temubual berkaitan.

c. Pemilihan Muzik Latar

Sesebuah dokumentari yang baik banyak bergantung kepada *treatment* atau jalan cerita yang disusun oleh penerbit. Unsur-unsur lain termasuk pemilihan muzik latar juga perlu diberi perhatian semasa membuat kerja-kerja pos produksi. Semasa membuat penggambaran penerbit turut mendapatkan lagu-lagu rakyat dan muzik-muzik tempatan untuk digunakan sebagai muzik latar nanti.

Namun, penerbit juga memerlukan muzik tambahan yang dicipta khas untuk siri Salam Nusantara 2 – Lembah Chao Phraya. Seorang komposer diminta mencipta muzik yang sesuai dengan siri kali ini. Muzik latar yang baik akan membantu *mood* atau suasana serta menambah penghayatan di dalam dokumentari ini.

Oleh itu penerbit akan memastikan pilihan muzik latar dibuat dengan baik dan mengikut keperluan episod di dalam siri ini nanti.

d. Penyuntingan *Off-line*

Proses seterusnya ialah penyuntingan *off-line* yang dilakukan oleh penerbit. Dengan berpandukan *treatment* atau jalan cerita yang telah disusun lebih awal, penerbit memilih shot yang sesuai. Proses *off-line* sesuatu episod kebiasaannya menggunakan dua slot jadual di studio atau kira-kira enam belas jam. Sepanjang tempoh berkenaan penerbit akan berada bersama editor ENG untuk membantunya memilih shot yang diperlukan. Namun begitu kadang kala penerbit hanya perlu menyenaraikan keperluan shot dan editor ENG akan memilihnya sendiri shot berkenaan.

Penolong penerbit sentiasa bersedia membantu menyediakan keperluan penerbit bagi menjadikan suntingan sesuatu episod lebih menarik. Antaranya menguruskan keperluan tambahan seperti peta, grafik dan gambar-gambar foto. Tugasnya kelihatan mudah tetapi memerlukan tindakan yang cekap. Masa adalah sangat penting. Oleh itu penolong penerbit perlu menyeliakan segala keperluan supaya dapat disiapkan mengikut jadual dan masa yang telah ditetapkan.

e. Penyuntingan *On-Line*

Selepas kerja-kerja memilih *rushes* – bahan shot yang sesuai dan bertepatan dengan kehendak *treatment*, proses *on-line* pula menyusul. Proses *on-line*

adalah proses mengadun *footage*, suara latar, muzik dan membuat kepelbagaian gaya penyuntingan sesuai dengan keperluan episod *Salam Nusantara* berkenaan.

Kebiasaannya proses *on-line* bagi satu episod 30 minit mengambil masa antara 8 hingga 16 jam. Ia banyak bergantung kepada proses *off-line* yang dilakukan sebelum ini. Oleh itu penerbit *Salam Nusantara* berusaha membuat *off-line* dengan penuh teliti dan menepati *treatment* yang telah diluluskan bagi memudahkan kerja-kerja *on-line*.

f. Rakaman Suara Latar

Sebaik saja penyediaan skrip selesai, proses rakaman suara latar akan dilakukan. Pemilihan suara latar dilakukan oleh sebuah panel yang diketuai oleh penerbit eksekutif. Suara latar yang baik turut membantu mutu dokumentari. Beberapa calon dipanggil untuk mengadakan ujian suara. Rakaman suara latar dilakukan di studio syarikat sambil penerbit menyemak dan memastikan setiap sebutan dilakukan dengan betul dan baik.

g. Proses *Mixing*

Kerja-kerja terakhir selepas proses *on-line* ialah *mixing* atau pun proses pengadunan bahan-bahan dengan suara latar dan muzik. Ia dibuat dengan

teliti dan menepati kualiti yang dikehendaki oleh pihak RTM. Proses pengadunan memerlukan masa kira-kira empat hingga enam jam sebelum episod berkenaan sedia untuk ditayang.

Proses *mixing* biasanya dilakukan oleh editor ENG yang berpengalaman. Alat *wave form* dan *vector scope* digunakan untuk mengukur mutu bahan samaada audio mahupun visual berkenaan. Ia bagi memastikan kualiti bahan mencapai standard yang ditetapkan untuk penyiaran.

4.4 PEMASARAN

4.4.1 Perkhidmatan Susulan.

Walaupun penerbitan *Salam Nusantara* merupakan rancangan dokumentari yang diswastakan oleh RTM tetapi perbincangan perlu juga diadakan dengan pihak RTM bagi meyakinkan mereka bahawa dokumentari *Salam Nusantara* adalah terbaik dan mencadangkan supaya penerbitan dokumentari ini diteruskan ke negeri-negeri lain di Nusantara.

a. Penyediaan Pita C format

Pengurus pemasaran syarikat Anugerah Media Network sentiasa berhubung dengan bahagian Bekalan Filem dan Rancangan Swasta RTM untuk mendapat maklum balas mengenai dokumentari berkenaan.

Setelah kerja-kerja pengadunan selesai, ia akan dipindahkan ke format beta sebagai *master tape*. Penerbit akan memanggil panel penilai untuk melihat hasil kerja beliau sebelum format berkenaan dipindah ke format VHS untuk dihantar kepada unit Lembaga Penapisan Filem (LPF) di RTM bagi tujuan penapisan sebelum diluluskan untuk tayangan.

Syarikat perlu menunggu dua minggu untuk mendapat jawapan. Jika terdapat sebarang teguran atau pindaan, syarikat akan dimaklumkan dan penerbit akan membuat perubahan berkenaan. Kebiasaannya episod Salam Nusantara tidak menghadapi masalah mendapatkan kelulusan untuk tayangan.

Syarikat akan menyediakan bahan siap dalam format C untuk tayangan. Ia dihantar ke bahagian Bekalan Filem dan Rancangan Swasta RTM. Bersama dengan bahan siap format C, syarikat juga menyediakan pita promo untuk ditayangkan sepanjang waktu di TV 1 sebagai usaha promosi memperkenalkan siri berkenaan kepada umum.

Masa tayangan ditentukan oleh pengawal TV1. *Salam Nusantara* episod Lembah Chao Phraya ditayangkan pada setiap hari Ahad pukul 1.00 tengah hari.

b. Mengadakan Majlis Sidang Akhbar

Majlis sidang akhbar dan pelancaran siri Salam Nusantara diadakan bertujuan memberitahu kepada orang ramai mengenai dokumentari ini. Ia telah diadakan pada 12/7/2000 bertempat di Dewan Masjid Putrajaya. Majlis berkenaan telah disempurnakan oleh YB Datuk Dusuki Ahmad, Setiausaha Politik Kepada Perdana Menteri Malaysia.

Keesokan harinya, akhbar telah melaporkan peristiwa berkenaan dan sekaligus memberi publisiti kepada orang ramai mengenai dokumentari tersebut.

4.4.2 Mendapatkan Penajaan Produksi.

Kebiasaannya usaha mendapatkan tajaan bermula lebih awal iaitu sebaik sahaja mendapat surat kelulusan daripada RTM. Usaha-usaha mendapatkan penajaan dilakukan juga pada waktu penggambaran di lokasi. Selepas berusaha, akhirnya syarikat mendapat tajaan seperti berikut:

- b. Penginapan di *Hotel Al-Farouq* – Chiengmai
- c. Penginapan di *Hotel New World Lodge* Bangkok
- d. Potongan istimewa sewaan kenderaan daripada syarikat *Silver Rent a Car*.
- e. Makan malam bersama dengan beberapa orang tokoh tempatan seperti;

- i. Encik Marwan Sameon - Pengerusi masjid Kamalul Islam.
- ii. Yang Berhormat Wan Mohd. Noor Matta – Speaker Parlimen Thailand.
- iii. Dr. Darunee Mittaree – Setiausaha Persatuan Perubatan Islam Thailand.
- iv. Encik. Mohamad Prasert – Pengerusi Yayasan Santichon Thailand- saudara baru.
- v. Yang Berbahagia Sordeegeen Sohmanee – Pengerusi Yayasan Islam Thailand.
- vi. YB Dr. Surin Pitsuwan- Menteri Luar Thailand.

Kos produksi dapat dijimatkan melalui tajaan berkenaan. Perkembangan begini sangat penting kerana harga tawaran yang ditawarkan RTM kepada syarikat tidaklah begitu besar jumlahnya berbanding dengan tanggungjawab dan keperluan menyediakan program yang baik dan bermutu tinggi yang perlu dilakukan oleh syarikat.

4.4.3 Mendapatkan Penajaan Hadiah Kuiz

Bagi menarik lebih ramai penonton menonton siri ini, pelbagai cara promosi dilakukan. Selain promo siaran yang disiarkan oleh RTM, syarikat

Anugerah Media Network juga mengadakan peraduan kuiz Salam Nusantara. Soalan kuiz akan disiarkan di akhir rancangan setiap episod. Soalan-soalan yang dikemukakan adalah berkaitan dengan bahan di dalam episod berkenaan. Orang ramai perlu menjawabnya menggunakan borang yang boleh didapati di dalam majalah ANIS dan ASUH keluaran Galeri Ilmu Sdn. Bhd., syarikat sekutu AMN.

Para penonton perlu mengumpul hingga ke episod yang kesepuluh sebelum menjawabnya di dalam borang yang disediakan dan di hantar ke alamat syarikat.

4.4.4 Pemasaran Susulan Selepas Siaran

Salam Nusantara telah memasuki musim ketujuh dan telah membuat penggambaran di empat buah negara. Pendekatan yang dibawa telah memberi maklumat terbaru mengenai kehidupan masyarakat di negara-negara berkenaan. Maklum balas daripada masyarakat amat memberangsangkan.

Bahagian Pemasaran AMN memasarkan siri Salam Nusantara ke stesen TV lain di Nusantara sebaik sahaja selesai ditayangkan di TV 1. Hasilnya beberapa stesyen televisyen seperti *ITV Bangkok* dan *Suria Singapura*

berminat dan membeli produk berkenaan. Mereka kemudian telah menayangkan semula siri berkenaan di stesyen masing-masing.

Selain itu bahagian pemasaran syarikat AMN juga berjaya memasarkan produk Salam Nusantara kepada stesen televisyen berbayar ASTRO. Perkembangan ini memberi pendapatan tambahan kepada syarikat Anugerah Media Network. (Lampiran 9)